



## TEKS UCAPAN PERASMIAN

**TUAN YANG TERUTAMA TUN DATO' SERI UTAMA  
AHMAD FUZI BIN HAJI ABDUL RAZAK  
YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG  
SEMPENA HARI KEDAMAIAN ANTARABANGSA  
(INTERNATIONAL DAY OF PEACE)  
“CYCLE THE WORLD, CYCLE FOR PEACE”  
PADA 21 SEPTEMBER 2021 (SELASA)**

*Bismillahirrahmanirrahim,*

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan Salam Sejahtera kepada semua Duta Kedamaian (*Peace Ambassador*).

1. Terlebih dahulu izinkan saya untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak pengajur iaitu Penang Harmony Corporation (HARMONICO), di atas kesudian untuk menjemput saya, bagi merasmikan Program “***Cycle The World, Cycle For Peace***”, sempena menyambut Hari Kedamaian Antarabangsa.
  
2. Pada tahun 1981, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah memutuskan suatu resolusi Hari Kedamaian Antarabangsa, atau pun “*International Day of Peace*”, sempena Perasmian Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun tersebut.

3. Semenjak itu, Hari Kedamaian Antarabangsa telah disambut di seluruh dunia pada 21 September setiap tahun, sebagai hari tanpa keganasan.
  
4. Malaysia merupakan sebuah negara di mana kepelbagaian budaya, kaum dan agama telah menjadi suatu aset yang utama kepada kita semua.
  
5. Saya berasa bangga, terutamanya bagi Negeri Pulau Pinang, yang telah mengambil langkah proaktif untuk menganjur inisiatif PEACE, sempena hari yang penuh bermakna ini.
  
6. Dengan sepenuh hati, saya memberi sokongan penuh kepada inisiatif ini, dan berharap agar Pulau Pinang akan menjadi “*role model*”, dalam mempromosikan kedamaian dan keharmonian bagi Negara Malaysia.
  
7. **“Recovering better for an equitable and sustainable world”**, merupakan tema Sambutan Hari Kedamaian bagi tahun ini. Ianya amat bersesuaian dengan situasi pandemik COVID-19 yang kita hadapi sekarang.

8. Justeru itu, marilah kita berganding bahu, bagi memulihkan negara kita dengan belas kasihan (*compassion*), murah hati (*kindness*) dan dengan penuh harapan (*hope*), serta usaha bersama untuk menentang keganasan, sama ada secara fizikal atau pun secara maya.
9. Sempena dengan sambutan ini, HARMONICO akan menganjurkan Program “***Cycle The World, Cycle For Peace***”.
10. Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Pertubuhan Keagamaan, organisasi serta individu-individu yang telah menunjukkan semangat dalam menyokong inisiatif ini.
11. “*Peace is a journey of a thousand miles and it must be taken one step at a time*”. Demikian petikan daripada Lyndon B. Johnson, Presiden Amerika Syarikat yang ke-36.
12. Program “***Cycle The World, Cycle For Peace***”, di mana kita bertekad untuk mengelilingi permukaan bumi, dalam satu (1) pusingan berjumlah 40,075km, sebagai tanda usaha dan sokongan padu kita kepada inisiatif ini.

13. Akhir kata, saya mengucapkan selamat maju jaya kepada semua peserta yang terlibat, kayuh dengan selamat dan pastikan anda semua terus mematuhi SOP yang ditetapkan.

14. Di kesempatan ini juga, saya juga ingin mengucapkan :

**“Selamat Menyambut Perayaan Kuih Bulan”**

**“Zhong Qiu Jie Kuai Le”** atau

**“Happy Mid-Autumn Festival”.**

15. Maka dengan itu, saya dengan sukacitanya merasmikan Program **“PEACE 21: Cycle The World, Cycle For Peace”**.

Sekian, terima kasih.